

IKLAN TAWARAN SEWAAN TANAH

PENYEWAAN TANAH MILIKAN MBPP LOT 912, JALAN PINTAL TALI, SEKSYEN 18, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

1. PENGENALAN

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai tanah kosong untuk disewakan di atas tanah milikan MBPP Lot 912, Jalan Pintal Tali, Seksyen 18, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dengan ini mempelawa syarikat/pertubuhan/koperasi/individu yang berminat untuk penyewaan tanah kosong tersebut.

2. SYARAT-SYARAT UTAMA PENYEWAAN

- i. Tempoh sewaan : 3 tahun sahaja;
- ii. Jenis penggunaan : Komersial;
- iii. Aktiviti : Komersial;
- iv. Anggaran Keluasan : 1,460 kaki persegi;
- v. Pembida perlu membayar deposit bersamaan 3 bulan kadar sewa ketika menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dengan MBPP;
- vi. Penyewaan adalah berdasarkan kepada 'as is where is basis' dan segala kerja-kerja penyediaan tapak dan penyelenggaraan akan ditanggung oleh pembida sendiri;
- vii. Harga Rizab Sewaan ke atas tawaran / bidaan ini ialah RM900.00 sebulan.

3. SYARAT-SYARAT BIDAAN

- i. Bidaan adalah terbuka kepada individu dan syarikat perniagaan (pemohon perlu sertakan dokumen syarikat/pendaftaran perniagaan)
- ii. Tarikh mula iklan : 8 Jun 2026 (Isnin)
- iii. Tarikh tutup iklan : 22 Jun 2026 (Isnin)
pada atau sebelum jam 11.00 tengahari.

- iv. Bidaan yang dikemukakan hendaklah disertakan deposit bidaan dalam bentuk cek jurubank (*banker cheque*) dengan amaun yang bersamaan dengan 3 bulan sewaan.
- v. Pembida juga perlu mengemukakan **kertas cadangan penggunaan tapak yang lengkap**.
- vi. Sekiranya pembida yang berjaya nanti gagal untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan pada tarikh yang ditetapkan oleh MBPP, maka deposit bidaan yang telah dikemukakan akan dilesapkan dan penyewaan itu akan diberikan kepada pihak lain mengikut budi bicara MBPP.
- vii. Pembida yang berminat boleh memperolehi Borang Permohonan di:
 - a) Tingkat 12, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Pulau Pinang mulai 8 Jun 2026 (Isnin) bermula jam 8.00 pagi sehingga pukul 5.00 petang.
 - b) Laman web MBPP (www.mbpp.gov.my)
 - c) Email kepada ctsalasiah@mbpp.gov.my atau penilaian@mbpp.gov.my
- viii. **Borang Bidaan** yang telah diisi dengan harga tawaran sewaan dan **Kertas Cadangan Tapak** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul kosong yang ditulis pada penjuru atas kiri sampul tersebut dengan 'Penyewaan Tanah Milikan Majlis Di Lot 912, Jalan Pintal Tali, Seksyen 18, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.
- ix. Sampul ini kemudiannya, dimasukkan ke dalam kotak berkunci yang disediakan khas di Kaunter Tingkat 12, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MBPP, Pulau Pinang pada 22 Jun 2026 (Isnin), **sebelum atau pada Jam 11 Pagi**.
- x. MBPP akan membuat pertimbangan ke atas bidaan yang dibuat dan akan menghubungi pembida yang berjaya sebaik sahaja keputusan dibuat.
- xi. Keputusan pihak MBPP di dalam pemilihan pembida yang berjaya adalah muktamad.
- xii. MBPP tidak terikat untuk menerima tawaran sewa yang tertinggi atau mana-mana tawaran dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan berhubung dengan tawaran sewaan ini.

SYARAT-SYARAT PENYEWAAN

**TANAH MILIKAN MAJLIS LOT 912, JALAN PINTAL TALI, SEKSYEN 18,
BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG**

Syarat-syarat Penyewaan

1. Tapak berkenaan akan digunakan untuk tujuan komersial;
2. Tempoh penyewaan adalah untuk 3 tahun sahaja;
3. Menandatangani surat Akuan Setuju Terima;
4. Menandatangani serta menyetem surat perjanjian penyewaan tanah;
5. Tapak disewakan dalam keadaan sedia ada;
6. Penyewa perlu mematuhi segala kehendak undang-undang/garis panduan daripada Pihak Berkuasa berkaitan, Penyewa tidak dibenarkan menjalankan aktiviti selain daripada yang ditawarkan dan tidak dibenarkan membuat sebarang binaan struktur di atas tapak tersebut kecuali mendapat kebenaran daripada MBPP terlebih dahulu;
7. Penyewa dikehendaki memohon lesen atau permit yang berkaitan dengan penggunaan di tapak dan merujuk kelulusan Jabatan Teknikal berkaitan;
8. Segala penyambungan bekalan elektrik dan lain-lain adalah ditanggung oleh penyewa tanpa sebarang tuntutan kepada pihak MBPP;
9. Penyewa dikehendaki mengambil polisi Insuran Liabiliti Awam yang melindungi MBPP dari sebarang kemalangan/kecelakaan berlaku dan Insuran Kebakaran (jika berkaitan);
10. Penyewa bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kebersihan tapak dan sekitarnya, menjaga ketenteraman awam, kesesakan lalu lintas dan apa-apa berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan tanpa mengenakan sebarang tuntutan kepada MBPP.
11. Penyewa bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang pencerobohan di tapak ini;

12. MBPP berhak untuk menamatkan sewaan atau menarik balik kelulusan penyewaan tanah sekiranya penyewa gagal mematuhi syarat-syarat penyewaan atau MBPP memerlukan tapak tersebut, tanpa sebarang bayaran gantirugi;
13. Penyewa perlu menyerahkan tanah MBPP ini dengan pemilikan kosong sekiranya MBPP memerlukan tanah berkenaan tanpa sebarang bayaran pampasan atau ganti rugi.
14. Syarikat dikehendaki menyemak status tunggakan dalam aplikasi PEARL. Sekiranya terdapat tunggakan, pihak syarikat hendaklah menjelaskan tunggakan tersebut dan kegagalan berbuat demikian menyebabkan syarikat tidak layak untuk ditawarkan.

BORANG TAWARAN SEWAAN TANAH

**TANAH MILIKAN MAJLIS LOT 912, JALAN PINTAL TALI, SEKSYEN 18,
BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG**

Saya _____ (Nama dalam huruf
besar)

bagi pihak Individu/Syarikat _____
(Sekiranya syarikat)

dengan ini menawarkan untuk menyewa tanah milikan MBPP di atas Lot 912, Jalan Pintal Tali, Seksyen 18, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang daripada MBPP tertakluk kepada semua syarat bidaan atas kadar sewaan sebulan dan untuk tujuan komersial :-

Kadar Sewa :
Ringgit Malaysia _____
(RM _____).

Dilampirkan bersama-sama ini cek jurubank (*banker cheque*) bertarikh _____ dan bernombor _____ bernilai RM _____ sebagai bayaran bidaan (bersamaan 3 bulan kadar sewaan) kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan dokumen syarikat/pendaftaran perniagaan.

Sekiranya tawaran saya diterima, saya bersetuju untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dan menjelaskan bayaran sewaan dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam syarat Bidaan dan Surat Perjanjian Penyewaan.

Saya memperakui bahawa semua maklumat yang berkaitan dengan tawaran bidaan ini adalah benar dan sah. Saya memberi keizinan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk meneliti dan mengkaji dengan lebih lanjut semua maklumat tersebut dengan pihak saya atau pihak-pihak lain yang berkaitan. Saya juga bersetuju untuk membekalkan maklumat-maklumat tambahan yang berkaitan dengan bidaan ini sekiranya diminta oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Tandatangan : _____

Nama : _____
(Huruf Besar)

No. K.P : _____

Jawatan dalam Syarikat : _____

Nama Syarikat : _____

No. Pendaftaran Syarikat : _____

Alamat Berdaftar Syarikat : _____

Alamat Surat Menyurat : _____

(Sekiranya berlainan _____

Dengan Alamat di atas) _____

No. Telefon : _____ No. Fax : _____

Tarikh : _____

Disah Terima:

b.p Pengarah Penilaian & Pengurusan Harta
Majlis Bandaraya Pulau Pinang